



SIARAN AKHBAR JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KES-KES TANGKAPAN GERAKAN OPERASI BARANG TEGAHAN KASTAM

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah menjalankan tiga operasi dan satu operasi sepadu di kawasan Kampong Rataie, Daerah Temburong; kawasan Kampong Katok; Kampong Tungku dan Perumahan Rimba, Daerah Brunei Muara dan Kuala Belait, Daerah Belait.
2. Operasi pertama yang dijalankan pada hari Isnin, 09hb Mei 2022 di kawasan gerai penjualan makanan di Kampong Rataie, Daerah Temburong, JKED telah berjaya menahan seorang perempuan warganegara Indonesia berumur 32 tahun yang didapati terlibat dalam kegiatan penjualan rokok dan telah berjaya merampas sebanyak 14 paket rokok pelbagai jenis.
3. Seterusnya pada hari yang sama, operasi kedua adalah di sebuah rumah pekerja di kawasan Kampong Katok dan berjaya menahan dua orang lelaki warganegara Indonesia berumur 27 dan 30 tahun. Hasil pemeriksaan telah merampas sebanyak 2 katon, 4 paket dan 26 batang rokok.
4. Operasi ketiga dijalankan pada hari Selasa, 10hb Mei 2022 di kawasan Kuala Belait. JKED telah berjaya menahan dua orang lelaki warganegara Malaysia berumur 57 tahun dan 63 tahun dan berjaya menahan sebanyak 18 batang rokok serta wang tunai berjumlah BND132,558.00 dipercayai hasil dari penjualan barang-barang tegahan Kastam.
5. Manakala operasi sepadu dijalankan pada hari yang sama bersama dengan Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan, yang mana sebuah kenderaan telah ditahan dan diperiksa di kawasan premis perniagaan, Kampong Tungku dan berjaya menahan seorang lelaki tempatan berumur 45 tahun yang terlibat dalam kegiatan penjualan pelbagai jenis ubat-ubatan. Seterusnya pemeriksaan lanjut yang telah dibuat ke atas sebuah rumah di kawasan Perumahan Rimba Gadong, telah berjaya menahan seorang penduduk tetap berumur 29 tahun dan merampas sebanyak 15 kotak, 3 paket dan 79 botol kecil pelbagai jenis ubat-ubatan yang terlarang.
6. Kesemua barang tegahan telah dirampas dan individu-individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.


7. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Tarikh: 13hb Mei 2022

RUJ KES KASTAM: ENF/PR/6/2022

GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN
GERAKAN OPERASI PERTAMA



GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN
GERAKAN OPERASI KEDUA



**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN
GERAKAN OPERASI KETIGA**



**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN
GERAKAN OPERASI KEEMPAT**

